

30/01/2002

Umat Islam perlu kembali kepada asas agama: PM

Misiah Taib

KUALA LUMPUR, Selasa - Umat Islam perlu kembali kepada asas agama tanpa menokok tambah ajarannya jika mahu mencapai kejayaan dan memastikan kebangkitan semula Islam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, selagi pelbagai tafsiran yang mengelirukan umat Islam masih berleluasa, selagi itulah soal sama ada kebangkitan semula Islam menjadi kenyataan, diragui.

Di awal kemunculan Islam, katanya, tidak banyak tafsiran mengenai ajaran Islam kecuali hanya perkara asas tetapi kini pelbagai tafsiran dibuat termasuk penampilan diri seorang Islam yang kononnya mesti berjanggut dan berserban.

"Yang ada hanyalah ajaran Nabi Muhammad mengenai persaudaraan, hormat menghormati, perlunya membuat persediaan bagi umat Islam, yang semuanya perkara asas dan fundametal.

"Saya sendiri mengaku bahawa saya adalah seorang fundamentalis. Tafsiran mengenai fundamentalis ialah orang yang fanatik dan yang ekstrim. Tapi bagi saya, kalau kita ikut fundamental Islam, kita akan menjadi umat yang berjaya," katanya.

Beliau menjelaskan demikian ketika menjawab soalan peserta Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di Hotel Crowne Princess, hari ini.

Persidangan tiga hari itu dihadiri lebih 500 peserta dari seluruh negara, Brunei, Indonesia, Singapura dan Thailand.

Dr Mahathir berkata, umat Islam juga perlu mempelajari dan menguasai ilmu dalam bidang yang lain daripada bidang agama bagi mempertahankan kepentingan dan kesejahteraan mereka.

Katanya, mereka perlu menggabungkan penguasaan ilmu dengan menguasai bidang seperti sains dan teknologi, ketenteraan dan pentadbiran, bukan hanya menumpukan perhatian kepada mendalami ilmu agama semata-mata.

"Jika semua orang Islam cuba untuk mendalami ilmu agama sehingga sampai ke tahap paling tinggi dan menjadi ulama, tidak mungkin mereka dapat menguasai ilmu lain," katanya.

Beliau berkata, umat Islam selalu membuat ukuran mengenai keIslaman seseorang berdasarkan ilmu agamanya sedangkan yang penting ialah pegangannya kepada asas-asas Islam.

"Yang jelas sekali ialah mereka yang mendalami agama saja tidak mempunyai kebolehan dalam bidang pentadbiran negara, urusan negara, pentadbiran ketenteraan dan sebagainya untuk mempertahankan orang Islam.

"Jadi kita mesti gabung antara satu sama lain dan janganlah tuduh orang yang tidak mendalami Islam sebagai menolak Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata, hakikatnya semangat dan ilmu agama sahaja tidak mencukupi untuk mempertahankan umat Islam. Oleh itu, mereka perlu mempunyai pengetahuan mengenai ilmu lain yang tidak kurang penting demi kesejahteraan Islam.

"Hari ini yang menjadi masalah kepada kita ialah untuk berperang, kita terpaksa beli senjata daripada musuh. Apakah musuh hendak jual senjata yang terbaik kepada kita?

"Mustahil... dan kalau kita cuma minta diberi kemenangan tetapi tidak berusaha, kita tidak akan dapat," katanya sambil mengambil contoh tentera Taliban di Afghanistan ketika menentang serangan Amerika tidak mempunyai peralatan perang moden, malah tanpa berpakaian seragam.

Menjawab soalan sama ada sistem pendidikan negara perlu ditukar bagi

membuka minda orang Melayu khususnya generasi muda, Dr Mahathir berkata sistem pendidikan boleh ditukar tetapi ia tidak akan membawa faedah kecuali jika penguasaan semua ilmu dianggap sesuatu yang disuruh agama dan menjadi tanggungjawab serius kepada umat Islam.

"Minda mestilah ditukar untuk menerima bahawa sebarang penguasaan ilmu diwajibkan ke atas orang Islam untuk kepentingan agama dan umat Islam itu sendiri.

"Pemikiran sepatutnya ditumpukan kepada bagaimana hendak melaksanakan sesuatu cadangan itu," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, orang Melayu Islam tidak perlu balik kepada asal zaman awal Islam sebaliknya harus maju ke depan kerana mereka sudah tahu bagaimana untuk memperbaiki kesilapan lalu.

"Yang tidak ada pada orang Melayu Islam ialah ketekunan untuk melakukan sesuatu berulang kali. Kalau kita buat sesuatu berulang kali kita akan menjadi cekap.

"Agama Islam sebenarnya sudah sempurna tetapi penganutnya sahaja yang belum sempurna," katanya.

(END)